| 74. | 根节 akar | Kata (kata nama) | Bahagian tumbuh- tumbuhan yang lazimnya tumbuh ke dalam tanah. | Syarat-syarat atau asas-asas kejayaan ini seperti pengetahuan, kemahiran, ketabahan hati, kegigihan atau usaha seseorang. | Metafora kata nama, metafora tumbuhan. |
| 75. | 崩崖倒石 kejatuhan batu akibat tanah runtuh. | Frasa (kata nama) | Tanah runtuh- gelongsor atau luncsur tanah. | Halangan dalam perjalanan seseorang yang menuju ke kejayaan | Metafora kata nama, metafora ontologi. |

| | | | | | |
|------------|--|---|---|--|---|
| | | | | | |
| B9. | | | | | |
| 76 | 医肱 mengubati lengan | Frasa (kata kerja + kata nama) | Menyembuh lengan, iaitu bahagian badan dari bahu hingga ke pergelangan tangan dengan ubat. | Sesuatu kejayaan atau kepakaran. | Metafora kata kerja, metafora ontologi. |
| 77. | 三折 tiga kali patah | Frasa (kata bilangan + kata kerja) | Putus tiga kali. | Latihan berulang- ulang kali atau pengalaman. | Metafora kata kerja, metafora ontologi. |
| 78. | 剑铁 Pedang dari besi | Frasa (kata nama) | Senjata yang panjang bilahnya, bisanya tirus di hujungnya dan tajam. | Orang yang berkemahiran. | Metafora kata nama, metafora ontologi. |
| 79. | 百炼 diproses beratus kali | Frasa (kata bilangan + kata kerja) | Satu siri tindakan yang dilakukan untuk membuat, menghasilkan, atau mencapai sesuatu beratus kali. | Latihan dan usaha yang gigih. | Metafora kata kerja, metafora ontologi. |
| 80. | 古青铜 cermin keluli yang berkarat dan tua | Frasa (kata nama) | Cermin - kaca untuk melihat rupa muka sendiri. Karat - lama dan tua. Tua -sesuatu yang lama. | Seseorang yang sudah lama tidak berusaha, kolot fikirannya kerana tidak melihat diri sendiri. | Metafora kata nama. |
| 81. | 食芹 makan sayur saderi | Frasa (kata kerja + kata nama) | Sayur saderi - sejenis tumbuhan yang daunnya boleh dimakan | Orang mengatakan dirinya mencadangkan sesuatu yang tiada nilai kerana | Metafora kata kerja dan metafora tumbuhan. |

| | | | | | |
|-------------|---------------------------------|--|--|---|--|
| | | | | merendahkan diri. | |
| B10. | | | | | |
| 82. | 金缕衣 baju emas | Frasa (kata nama) | Emas - logam berwarna kuning yang mahal harganya. | Sesuatu kekayaan, kemewahan dan keseronokan. | Metafora kata nama, metafora pengkonkritan. |
| 83. | 花 bunga | Kata (kata nama) | Baju - pakaian untuk menutup badan. Bahagian tumbuhan untuk pembiakan, biasanya berwarna terang dan berbau harum. | Masa muda. | Metafora kata nama, metafora tumbuhan, metafora pengkonkritan |
| 84 | 折 petik | Kata (kata kerja) | Mengambil daripada tangkai pohon. | Berusaha dan bertindak. | Metafora kata kerja. |
| 85. | 空折枝 petik batang yang kosong | Frasa (kata sifat+kata kerja+kata nama) | Kosong - tidak berisi apa-apa. | Kita akan rugi dan tidak mendapat apa-apa sahaja. | Metafora kata kerja, metafora orientasi. |
| C1. | | | | | |
| 86. | 圆魄 bulan yang bulat | Frasa (kata sifat + kata nama) | Bulan - satelit semula jadi bumi yang bergerak mengelilingi bumi sekali dalam 28 hari, dan bersinar pada waktu malam oleh cahaya yang dibalikkan dari matahari. Bulat - bundar. | Suasana yang mesra dan bahagia. | Metafora kata nama, metafora orientasi, metafora pengkonkritan |

| | | | | | |
|-------------------|--------------------------------|----------------------|---|--|--|
| 87. | 雨兼风 hujan dan angin | Frasa (kata nama) | Hujan - air yang turun (menitik dengan banyaknya) yang terpeluwap daripada wap di atmosfera. Angin -udara yang bergerak | Sesuatu keadaan yang membimbangkan dan kurang baik | Metafora kata nama, pengkonkritan |
| C2. 88. | 兰 bunga orkid | Kata (kata nama) | Sejenis tumbuhan daratan atau epifit dari famili Orchidaceae yang bunganya berwarna terang dan cantik | Orang berkedudukan tinggi. | Metafora kata nama, metafora tumbuhan. |
| 89. | 萧艾 daun <i>xiao ai</i> | Kata (kata nama) | Sejenis daun yang berbau busuk. | Orang berkedudukan rendah. | Metafora kata nama, metafora tumbuhan. |
| 90. | 青青 rumput-rumpai liar | Kata (kata nama) | Jenis tumbuhan yang melata-lata di bumi dan kecil-kecil. | Orang yang berkedudukan paling rendah. | Metafora kata nama, metafora tumbuhan. |
| 91. | 寒蝉 reriang pada musim luruh | Kata (kata nama) | Sejenis serangga, kepalanya pendek, sayapnya lutsinar, jantan reriang berbunyi bising terutamanya pada musim panas. | Orang berkedudukan tinggi. | Metafora kata nama, metafora kehaiwanan. |
| 92. | 蟋蟀 keridik | Kata (kata nama) | Sejenis serangga berkepak yang berbisa. | Orang berkedudukan lebih rendah. | Metafora kata nama, metafora kehaiwanan. |
| 93. | 松柏 | Kata (kata | Sejenis pokok dengan halus- | Orang yang berkebolehan dan | Metafora kata nama, |

| | pokok pain | nama) | halusnya daun. | disanjung tinggi. | metafora tumbuhan. |
|------------|-----------------------|----------------------|---|--|--|
| C3. | | | | | |
| 94. | 金笼 sangkar emas | Frasa (kata nama) | Sangkar - kurungan burung dan lain-lain. Emas - sejenis logam berwarna kuning yang mahal harganya. | Sesuatu tempat yang cantik, berharga tinggi tetapi tiada kebebasan. | Metafora kata nama, metafora pengkonkritan |
| 95. | 林间 dalam hutan | Frasa (kata nama) | Kawasan yang ditumbuhi pokok-pokok liar (terbiar). | Sesuatu tempat semulajadi atau tempat asal yang penuh kebebasan. | Metafora kata nama, metafora pengkonkritan |
| C4. | | | | | |
| 96. | 柏 pokok pain | Kata (kata nama) | Sejenis pokok dengan halus-halusnya daun. | Sesuatu impian, matlamat atau hasil yang ingin dicapai oleh seseorang, ianya adalah lebih berkualiti tinggi dan memerlukan usaha yang gigih. | Metafora kata nama, metafora tumbuhan. |
| 97. | 替 pokok <i>hui</i> | Kata (kata nama) | Sejenis buluh yang boleh digunakan untuk menjadi penyapu. | Sesuatu yang berkualiti rendah atau kurang bernilai. | Metafora kata nama, metafora tumbuhan. |
| 98. | 藜 daun <i>li</i> | Kata (kata nama) | Sejenis rumput liar yang hidup setahun sekali, daunnya boleh dimakan semasa muda. | Sesuatu yang berkualiti rendah atau kurang bernilai. | Metafora kata nama, metafora tumbuhan. |
| 99. | 藿 daun <i>huo</i> | Kata (kata nama) | Sejenis daun kacang, daunnya boleh dimakan semasa muda. | Sesuatu yang berkualiti rendah atau kurang bernilai. | Metafora kata nama, metafora tumbuhan. |
| 100. | 草草 rumput-rumput | Kata (kata nama) | Rumput - sejenis tumbuhan yang melata di bumi | Pendek umur. | Metafora kata sifat. |

| | | | | | |
|-------------|--|--------------------------------|--|---|---|
| | | | dan kecil-kecil. | | |
| C5. 101. | <p>横看成岭侧成峰， 远近高低各不同。</p> <p>Jika dilihat secara melintang ia menjadi rabung, jika dilihat dari tepi ia menjadi puncak, keadaannya jauh dan dekat serta tinggi dan rendah adalah berlainan.</p> | Ayat | <p>Melintang -lebar; tepi bermakna bahagian yang luar sekali, pinggir.</p> <p>Jauh - besar jaraknya, tidak dekat.</p> <p>Dekat - tidak jauh jaraknya atau antaranya dari, hampir.</p> <p>Tinggi - jauh ke atas.</p> <p>Rendah - tidak jauh jaraknya dari bawah, tidak tinggi.</p> <p>Rabung - jalur tanah tinggi yang panjang, barisan bukit, kemuncak bukit.</p> <p>Puncak - bahagian yang tertinggi di bukit, gunung, menara, pokok dan lain-lain.</p> | Sesuatu perkara yang sama akan diperolehi hasil yang berlainan jika ianya dinilai dari sudut, persepsi atau pandangan yang berlainan. | Metafora ontologi. |
| 102. | <p>庐山真面目</p> <p>Keadaan sebenar Gunung Lu</p> | Frasa (kata nama) | Sebenar - sesuatu yang tepat, betul atau kenyataan. | Keadaan sebenar sesuatu perkara atau keikhlasan seseorang. | Metafora kata nama, metafora pengkonkritan. |
| C6. 103. | <p>山重</p> <p>gunung-ganang yang bertimbun-timbun</p> | Frasa (kata nama + kata sifat) | Bukit yang besar dan tinggi bersusun bertindih - tindih. | Segala kesulitan dan kepahitan yang ditemui. | Metafora kata sifat, metafora ontologi. |

| | | | | | |
|--------------------|----------------------------------|--------------------------------|--|---|---|
| 104. | 水复 sungai yang berulang-ulang | Frasa (kata nama + kata sifat) | Tali air yang semulajadi selalu pergi balik. | Keadaan yang mengelirukan. | Metafora kata sifat, metafora ontologi. |
| 105. | 路 jalan | Kata (kata nama) | Tempat lalu lintas. | Harapan. | Metafora kata nama, metafora ontologi. |
| 106. | 柳暗 gelapnya pokok willow | Frasa (kata nama + kata sifat) | Pokok <i>willow</i> - sejenis pokok yang dahannya kecil serta mudah dilentur, biasanya tumbuh di tepi air. | Keadaan yang sedih dan tiada harapan. | Metafora kata sifat, metafora struktur. |
| 107. | 花明 terangnya bunga | Frasa (kata nama + kata sifat) | Gelap- tidak terdapat cahaya, kelam, tidak terang. Bunga - bahagian tumbuhan untuk pembiakan, biasanya berwarna terang dan berbau harum. Keceriaan - bersih, cantik, riang, gembira. | Sesuatu keadaan yang riang dan gembira. | Metafora kata sifat, metafora struktur. |
| 108. | 一村 sebuah kampung. | Frasa (kata nama) | Kampung - kawasan kediaman manusia. | Keadaan yang ada harapan dan berjaya. | Metafora kata nama, metafora ontologi. |
| C7. 109. | 东风 Angin Timur | Frasa (kata nama) | Udara yang bergerak dari timur. | Orang yang bermuka dua. | Metafora kata nama, metafora ontologi. |

| | | | | | |
|-------------|----------------------------|-----------------------|---|---|--|
| 110. | 吹开 Mengembang-kan bunga | Frasa (kata kerja) | Menjadikan bunga kembang. | Menolong, mencadangkan atau menaik pangkat seseorang. | Metafora kata kerja, metafora ontologi. |
| 111. | 吹落 Menggugurkan bunga | Frasa (kata kerja) | Menjatuhkan bunga | Menfitnah, menjatuhkan maruah atau menurun pangkat seseorang. | Metafora kata kerja, metafora ontologi. |
| C8. 112. | 云雾 awan dan kabus | Frasa (kata nama) | Awan - wap air yang bergumpal-gumpal di udara. Kabus - wap air yang kelihatan seperti asap yang berada dekat muka bumi. | Sesuatu perkara yang kurang jelas atau keadaan yang mengelirukan, sesuatu persengketaan atau perselisihan yang tidak dapat dikenalpastikan siapa yang salah dan siapa yang betul. | Metafora kata nama, metafora pengkonkritan. |
| 113. | 别峰 gunung lain | Frasa (kata nama) | Bukit lain yang besar dan tinggi. | Sesuatu parti, sesebuah masyarakat atau sesebuah keluarga. | Metafora kata nama. |
| C9. 114. | 野水 Air semulajadi | Frasa (kata nama) | Air -cecair yang terbentuk daripada dua bahagian hidrogen dan satu bahagian oksigen (dalam keadaan yang murni tidak mempunyai warna, bau atau rasa). Semulajadi - diwarisi baka. | Sesuatu matlamat atau impian yang ingin dicapai. | Metafora kata nama, metafora pengkonkritan, metafora ontologi. |
| 115. | 青山 Gunung hijau | Frasa | Gunung - bukit | Sesuatu hasil atau | Metafora kata |

| | | (kata nama) | yang besar dan tinggi. | pencapaian di luar jangkauan. | nama, metafora pengkonkritan, metafora ontologi. |
|--------------------|------------------------------------|----------------------|---|------------------------------------|--|
| C10 116. | 夜魄 bulan | Kata (kata nama) | Bulan - satelit semula jadi bumi yang bergerak mengelilingi bumi sekali dalam 28 hari, dan bersinar pada waktu malam oleh cahaya yang dibalikkan dari matahari. | Kehidupan. | Metafora kata nama, metafora pengkonkritan. |
| 117. | 滿 penuh | Kata (kata sifat) | Bentuk bulan bundar. | Kehidupan yang bertuah. | Metafora kata sifat, metafora orientasi. |
| 118. | 圓 bulat | Kata (kata sifat) | Bentuk bulan bundar. | Kehidupan yang bertuah. | Metafora kata sifat, metafora orientasi. |
| 119. | 正 tegak | Kata (kata sifat) | Bentuk bulan bundar. | Kehidupan yang bertuah. | Metafora kata sifat, metafora orientasi. |
| 120. | 破 pecah | Kata (kata sifat) | Bentuk bulan sabit. | Kehidupan yang malang. | Metafora kata sifat, metafora orientasi. |
| 121. | 傾 condong | Kata (kata sifat) | Bentuk bulan sabit. | Kehidupan yang malang. | Metafora kata sifat, metafora orientasi. |
| 122. | 倚伏 berdampingan dan tersembunyi | Kata (kata kerja) | Berasal dari buku klasik ilmiah Lao Zi , iaitu “禍兮福所倚，福兮禍所伏“ bermakna sesuatu yang malang akan didampingi sesuatu yang bertuah, sesuatu yang bertuah pula akan tersembunyi sesuatu yang malang. | Kehidupan yang bertuah dan malang. | Metafora kata nama. |

Apendiks C

Penterjemahan puisi dalam bahasa Melayu

Tema A : Bakat dan kemuliaan

A1.

Reriang minum **embun pagi** dengan mulut tajamnya yang tergantung dan menuju ke bawah, ia menyanyi di atas **pokok parasol Cina** yang mempunyai ranting yang sedikit. Ia tinggal di tempat yang **tinggi** membolehkan nyanyiannya **jauh** kedengaran, bukan bergantung kepada tiupan **angin musim luruh** untuk mengedarkan bunyi nyanyiannya.

A2.

Bunga orkid berbunga dengan **suburnya** pada musim bunga, **bunga laurel** pula nampaknya **jernih dan suci** pada musim luruh.

Mereka begitu bersemangat dan bersemarak, **menunjukkan kecantikannya tersendiri pada musim yang paling sesuai masing-masing.**

Mana tahu ada orang yang duduk di tempat terpencil yang menjauhi orang ramai itu mendengar berita ini, mereka datang melihat kecantikan bunga.

Tumbuh-tumbuhan sebenarnya mempunyai hatinya tersendiri, tidak perlu meminta orang yang mulia untuk memetikinya.

A3.

Beratus jenis perasaan dari hati tidak dapat dikawal, kedengaran bunyi hon dibunyikan pada waktu senja di bangunan.

Rindu yang tidak berhenti sepanjang hari seperti gunung-ganang hijau yang berterusan, sampai bilakah akan berhentinya perasaan sedih saya yang dirangsangkan oleh bunga dan rumput akibat perpisahan?

***Bulu mata** yang tumbuh di atas mata tidak kelihatan, moral diperolehi dari amalan diri sendiri dan bukan diminta daripada yang lain.*

*Siapa lagi yang mulia seperti saudara Zhang dengan mementingkan **ribuan puisi** tetapi memandang rendah terhadap **anugerah gelaran yang memiliki kawasan seluas beratus ribu keluarga**.*

A4.

*Membawa **bau wangi** masuk ke dalam **kedai ikan jeruk** , bau wangi dicampurkan bersama dengan **ikan jeruk**.*

Kita sedar sebelum dibawa masuk, apa boleh dilakukan selagi kita sudah masuk ke dalam?

A5.

Berada di pagoda yang tinggi di Gunung Fei Lai, kedengaran ayam berkokok dan kelihatan matahari terbit.

*Tidak takut kepada **awan terapung** yang **menutup mata yang memandang**, ini kerana orang berada di **tingkat yang paling tinggi**.*

A6.

Tangerin ditumbuh di kawasan selatan, ia masih tumbuh kehijauan selepas musim dingin, Adakah ini disebabkan kawasan itu lebih panas? Tidak, ini kerana **hatinya yang boleh tahan kesejukan** dan tidak mudah gugur.

Ia boleh digunakan untuk menghidang tetamu, malah, ia dihalang oleh bukit yang tinggi dan laut yang mendalam.

Nasib itu berbeza dan terpulang kepada apa yang dialami, perkara yang dinamik dan keadaan yang tidak menentu sukar untuk dicari jawapannya.

Orang ramai hanya berbincang untuk menanam **pokok pic dan pokok plum**, bagaimana dengan pokok tangerin, tidakkah ia memberi teduh?

A7.

Bunga orkid yang **sunyi** ditanam di taman yang sepi, ditutupi **rumpun-rumpai**.

Walaupun terdapatnya sinaran matahari pada musim bunga, tetapi ia akan menjadi **sedih** pada musim luruh yang akan datang.

Pada pertengahan musim luruh, **ribut salji** akan turun dengan lebat, bunga orkid akan **rehat selama-lamanya** (mati) bersama-sama dengan rumput-rumpai.

Kalau tiada **angin yang sejuk dan segar** bertiup, untuk siapakah keharuman bunga orkid itu dihasilkan?

A8.

*Dalam majlis perpisahan yang sedih dengan keadaan **abu yang dingin dan lilin yang ketinggalan** , Han yang hanya berumur sepuluh tahun boleh menghasilkan sebuah puisi dengan cepat seperti **larian kuda**.*

***Beratus ribu batu bunga pokok parasol Cina dan jalan Bukit Dan**, bunyi anak burung phoenix lebih merdu dan terang daripada burung phoenix yang tua.*

A9.

*Sejak kecil lagi kelihatan **daun durinya** tersembunyi di dalam timbunan rumput, sekarang baru terasa ianya terkeluar dari **semak-samun**.*

*Orang tidak kenal ianya **pokok kayu yang tinggi hingga mencapai awan** pada masa itu sehingga ia tumbuh dengan tinggi mengawan, barulah mengheboh-hebohkan ketinggiannya.*

A10.

*Selepas melalui Sha Tou munculnya sebuah **kampung** secara perlahan-lahan, **tanahnya rata** , **sungai besarnya lebar dengan adanya udara yang nyaman dan sederhana**.*

***Arus tersembunyi di dasar sungai besar** tidak diketahui, hanya **pemandu perahu** sahaja yang kenal sifat-sifat air.*

Apendiks D

Penterjemahan puisi dalam bahasa Melayu

Tema B : Sikap belajar dan berusaha

B1

Orang kampung dari Negara Song mendapat Batu Yan dari timur Wu Tai.

Dia memuji batu itu sebagai sesuatu yang bernilai, malah mengejek Jed Zhao.

Jed Zhao tidak akan menjadi hitam dan nipis, Batu Yan bukan yang benar.

*Masyarakat biasa membuat kesilapan, tidak tahu membezakan antara **jed** dan **batu**.*

B2.

Orang ramai sukar untuk membezakan perkara yang benar dan palsu sejak dulu sehingga sekarang.

Mereka hanya suka kepada Zang Sheng yang berpura-pura menjadi orang yang alim, tetapi tidak faham Ning Zi yang berpura-pura menjadi orang yang bodoh.

***Kelip-kelip yang bercahaya** di dalam rumput bukan api yang sebenarnya, **titisan embun** di atas daun teratai bukanlah mutiara.*

*Jika tidak menggunakan **kayu** untuk membakar dan **batu permata** untuk memancar, kasihannya bagaimana kita boleh membezakan cahaya yang sama rupa itu.*

B3.

*Kolam yang setengah ekar seperti sebuah cermin besar ditunjukkan di depan mata, airnya begitu jernih sehingga **cahaya dari langit dan bayang-bayang** awan dipantulkan dengan jelas di atas air.*

*Tanyalah mengapa kolam ini begitu **jernih**? Kerana adanya **punca air yang hidup**.*

B4.

*Berjalan mengikut aliran sungai untuk mencari **puncanya**, tetapi berasa ragu-ragu apabila sampai ke puncanya.*

*Barulah sedar tidak dapat mencari **punca yang sebenar**, maka peganglah kayu tunjang dengan bersiar-siar bermain dengan air yang mengalir dengan perlahan-lahan.*

B5.

*Kelihatan **matahari terbenam** di **hujung gunung-ganang**, **Sungai Huang** mengalir masuk ke dalam **laut**.*

*Kalau ingin memandang ke tempat jauh yang **beribu-ribu batu**, perlulah kita **naik** ke satu tingkat lagi.*

B6.

*Kasihannya dibiarkan selama dua puluh tiga tahun di **Ba Shan dan Chu Shui**.*

Mengenang masa silam dengan nyanyian puisi yang tersia-sia dan kedengaran puisi seruling, selepas balik ke kampung seperti cerita orang yang rosak kapak itu.

Beribu-ribu kapal belayar di sebelah tepi kapal yang tenggelam, beratus-ratus ribu pokok tumbuh dengan subur di depan pokok yang sakit.

Terdengar nyanyian lagu tuan hari ini, kembalilah semangat dengan secawan arak buat sementara waktu.

B7.

*Jangan berkata fitnah itu mendalam seperti **ombak**, jangan berkata pegawai yang diturunkan pangkat dan dibuang negeri itu tenggelam seperti **pasir**.*

*Walaupun susah untuk mendulang dan mencuci beribu-ribu kali, tetapi selepas **pasir** ditiup akan terdapatnya **emas**.*

B8.

*Batang **pokok pain** melengkung dan menggulung dalam hujan renyai, pastilah ianya sejenis **kayu keras yang dapat tahan musim dingin**.*

***Akar** yang beratus tahun mestilah cukup keras dan tua supaya dapat menahan **batu terjatuh akibat tanah runtuh**.*

B9.

Kebaikan dan kebodohan jika dilihat melalui bentuknya daripada cermin, maka seseorang itu tidak dapat melihat dirinya sama ada cantik atau hodoh.

***Lengan** diubati setelah tiga kali patah, **pedang** dari besi perlu diproses beratus kali.*

*Gosoklah **cermin keluli anda yang berkarat dan tua**, apa yang perlu disingkir dan apa yang disimpan adalah jelas sekali.*

*Kecerdikan berasal dari kebodohan yang beribu-ribu, ini adalah sedikit nasihat saya yang tidak serupa **makan sayur saderi** .*

B10.

*Nasihat tuan jangan menghargai **baju emas**, nasihat tuan menghargai masa muda.*

***Petiklah bunga** apabila adanya **bunga**, jangan tunggu sehingga **memetik batang yang kosong** apabila tiada bunga.*

Apendiks E

Penterjemahan puisi dalam bahasa Melayu

Tema C : Amalan kebenaran hidup

C1.

Bulan yang penuh dan bulat tergantung di atas langit yang dingin, ia adalah sama ditunjukkan di mana-mana sahaja.

Malahan, pada masa ini adakah juga **hujan** dan **angin** bertiup di tempat lain.

C2.

Apabila kabus musim luruh meliputi rumput-rampai, **bunga orkid** dan **daun xiao ai** akan bergugur bersama-sama.

Selepas itu, **rumpun-rampai liar** bertumbuh dengan banyak di sekeliling dinding.

Reriang pada musim luruh ini akan bersunyi sementara, **keridik** pula akan berbunyi dengan bebas tanpa disekat.

Kitaran iklim dalam alam dunia ini tidak terhenti, semua hidupan menerima pengaruhnya berbeza-beza.

Setiap hidupan akan hidup mengikut musimnya masing-masing, **pokok parasol Cina** tidak perlu berasa dirinya lebih bernilai.

C3.

Beratus ribu nyanyian berkisar dengan bebasnya, bunga di atas bukit berwarna merah dan ungu manakala pokok bertumbuh dengan tinggi dan rendah.

Barulah sedar kedengaran nyanyian yang terkurung dalam **sangkar emas** tidak dapat berbanding dengan nyanyian dalam **hutan** yang bebas.

C4.

Jika menanam **pokok pain** dan menunggu pertumbuhannya, orang akan jadi tua.

Lebih baik menanam **pokok hui**, ia dapat ditebang pada musim luruh jika ditanam pada musim bunga.

Perubahan cuaca Yin Yang (baik dan buruk) adalah sama untuk semua hidupan, cantik atau hodoh di dunia ini ditakdirkan mengikut suka hati Tuhan.

Pertumbuhan pokok pain amat sukar memerlukan kemahiran dan kesuburan yang tinggi daripada Tuhan.

Malahan berapa kemahiran yang ada pada Tuhan dan akan habis digunakan untuk menyuburkan pokok pain?

Tuan tengoklah **daun li** dan **daun huo**, begitulah hayat mereka pendek seperti **rumput**.

C5.

Jika dilihat secara **melintang** ia menjadi **rabung**, jika dilihat dari **tepi** ia menjadi **puncak**, keadaannya **jauh** dan **dekat** serta **tinggi** dan **rendah** adalah berlainan.

Tidak dapat mengenal **keadaan sebenar Gunung Lu** kerana kita sendiri berada di dalam gunung tersebut.

C6.

Jangan ketawakan arak yang diawet pada bulan Disember dari rumah petani ini keruh, tetapi daging ayam dan babi adalah cukup untuk menghidang tetamu pada tahun baru yang kaya ini.

*Nampaknya tiada **jalan** lagi dalam **gunung-ganang yang bertimbun-timbun dan sungai yang berulang-ulang, gelapnya pokok willow tiba-tiba munculnya keceriaan bunga dan kelihatan sebuah kampung.***

Ketibaan perayaan musim menuai diikuti dengan bunyi seruling dan gendang, pakaian orang kampung ringkas dan biasa mengekal tradisi hidup purba yang sederhana.

Jika dibenarkan duduk dengan lebih lama di situ, saya akan mengetuk pintu rumah petani bila-bila masa pada malam berbulan untuk berarak dan berbual-bual.

C7.

Bayang pokok dan bunga yang gelap kelihatan pada waktu senja di dalam musim bunga yang sejuk, bunga gugur di dalam taman menuduh musim bunga yang mendalam.

*Angin timur bertiup **mengembangkan bunga** dan juga **menggugurkan bunga**, sejenis **angin timur** mempunyai dua hati yang berlainan.*

C8.

Berjalan mengikut air yang mengalir berterusan sampai ke hujung tebing tinggi, sampailah kaki gunung dan akan mendaki gunung lain lagi.

*Kelihatan **kabus dan awan menaik di gunung lain**, tidak sedar diri sendiri juga berada di **tengah awan.***

C9.

Pemandangan musim luruh yang dingin dengan air teluk yang jernih, gunung-ganang yang tidak dapat dikira berada di antara jauh dan dekat.

*Tujuan mendaki gunung untuk melihat **air semulajadi**, tetapi kelihatan **gunung berwarna hijau** berada di dasar air.*

C10.

*Di antara langit dan tanah yang luas, **bulan** kelihatan bening dan ringan.*

*Bulan ini selalunya kelihatan **penuh** kerodaan (bulat), diikuti dengan tumbuhnya rambut putih.*

*Kalau bulan ini tidak **bulat** bagaimana ia akan **pecah bentuknya**, baru kelihatan **tegak** ia akan menjadi **condong**.*

*Keadaan di kalangan manusia juga sama, patutlah kita faham keadaan **bertuah dan malang**.*